

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN (BATU)**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menambah waktu operasi AADK kepada 24 jam memandangkan jenayah yang melibatkan dadah akan berlaku tanpa mengira waktu. Jika ada, bagaimana Kementerian ingin melaksanakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, AADK mempunyai fasiliti yang beroperasi 24 jam seperti berikut:

i. *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)*

AADK mempunyai 30 buah pusat pemulihan yang dikenali sebagai *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)* yang menyediakan pelbagai pendekatan dalam memberi rawatan dan pemulihan. Pegawai-pegawai sentiasa bertugas memantau kepatuhan klien-klien dalam menjalani program rawatan dan pemulihan yang merangkumi bimbingan kaunseling, kepulihan awalan, pencegahan relaps, kelompok sokongan sosial, program kekeluargaan, 12 Langkah, psiko-pendidikan, keagamaan, kerohanian dan nilai-nilai murni, rawatan perubatan, pendidikan kesihatan dan integrasi sosial.

ii. Pusat Tahanan Reman (PTR) / Lokap AADK

Selain itu, AADK mempunyai sebanyak 16 buah PTR / lokap di seluruh Malaysia yang beroperasi 24 jam. PTR / lokap ini bersedia

SOALAN NO : 538

menerima mereka yang disyaki menagih dadah pada bila-bila masa sahaja, hasil daripada operasi yang dijalankan.

iii. Pusat Gerakan Hotline (PGH)

Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan oleh AADK ialah menubuhkan Pusat Gerakan Hotline - (03-8911 2233) yang beroperasi 24 jam mulai 28 Disember 2018. Pusat Gerakan Hotline ini dilancarkan bertujuan bagi meningkatkan mutu dan perkhidmatan AADK dalam menangani aduan orang awam berkaitan penyalahgunaan dadah dan memberi khidmat nasihat berkaitan rawatan dan fasiliti AADK. Sehingga Oktober 2019, jumlah statistik panggilan aduan yang diterima semenjak penubuhan PGH ialah sebanyak 2,225 aduan. Semua aduan di PGH direkodkan dan disalurkan segera ke AADK Daerah bagi tindakan operasi.

Buat masa ini, Ibu Pejabat AADK, Pejabat AADK Negeri dan Pejabat AADK Daerah beroperasi pada waktu pejabat kerana melaksanakan tugas pengurusan dan pentadbiran. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai AADK adalah sentiasa bersedia (*standby*) bagi melaksanakan tugas atau operasi yang dirancang dan tidak dirancang apabila aduan awam diterima.

Pada masa ini, tidak terdapat keperluan untuk pejabat-pejabat ini beroperasi selama 24 jam kerana AADK telah mempunyai fasiliti dan perkhidmatan yang beroperasi sepanjang masa. Selain itu, peruntukan seksyen 10 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 [Akta 638] juga menyatakan bahawa tiap-tiap pegawai Agensi hendaklah disifatkan sentiasa bertugas apabila dikehendaki melaksanakan kewajipan atau fungsinya. Peruntukan ini telah menggambarkan tugas pegawai AADK yang sentiasa bersedia menjalankan tugas 24 jam apabila diperlukan. Ini termasuk melaksanakan tugas operasi di luar waktu pejabat dan bertindak apabila aduan awam diterima pada bila-bila masa.